

## **Tahap Pengetahuan Pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Sultan Azlan Shah Mengenai Penderaan Kanak- kanak di Kuala Kangsar**

Azlan Muhtar <sup>1\*</sup> Norhidayah Azmi <sup>2</sup> Siti Nurulain Zakaria <sup>3</sup>

Fakulti Pengajian Islam Dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000  
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

\*E-mail Penulis Penghubung : [azlanskyle@gmail.com](mailto:azlanskyle@gmail.com)

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap pengetahuan dan persepsi pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah mengenai isu penderaan kanak-kanak di Kuala Kangsar. Tujuan kajian adalah untuk menilai tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep dan jenis penderaan kanak-kanak. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kepentingan memahami tanda-tanda awal penderaan. Menilai strategi yang dicadangkan oleh pelajar dalam meningkatkan kesedaran tentang cara menangani penderaan kanak-kanak. Kajian ini melibatkan seramai 65 orang pelajar sebagai responden. Kaedah korelasi Spearman digunakan untuk mengukur hubungan antara persepsi pelajar dengan strategi yang dicadangkan. Hasil analisis menunjukkan pelajar mempunyai tahap pengetahuan, persepsi, dan cadangan strategi yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan wujud hubungan signifikan antara persepsi pelajar dan strategi kesedaran yang dicadangkan bagi menangani isu penderaan kanak-kanak secara berkesan.

Kata kunci: Pengetahuan, Persepsi, Strategi, Penderaan Kanak-Kanak, Pelajar USAS

### **Abstract**

*This study aimed to assess the knowledge and perceptions of Early Childhood Education students at Universiti Sultan Azlan Shah regarding child abuse issues in Kuala Kangsar. The objectives were to evaluate students' knowledge of the concepts and types of child abuse to identify their perceptions of the importance of recognising early signs of abuse, and to assess strategies suggested by students to increase awareness of ways to address child abuse. A total of 65 students participated as respondents. The Spearman Correlation method was employed to examine the relationship between students' perceptions and their proposed strategies. The findings revealed that students demonstrated high levels of knowledge, perception, and suggested strategies. The results also showed a significant relationship between students' perceptions and the proposed awareness strategies to address child abuse more effectively.*

*Keywords: Knowledge, Perception, Strategy, Child Abuse, USAS Students*

## **Pengenalan**

Penderaan kanak-kanak merujuk kepada perbuatan yang menyebabkan kesakitan, penderitaan atau bahaya kepada kanak-kanak, sama ada secara fizikal, emosi, seksual atau pengabaian yang boleh menyebabkan kecederaan, menimbulkan bahaya atau mewujudkan ancaman terhadap keselamatan dan kesejahteraan mereka (Saturia Amiruddin et al, 2025). Dalam konteks kanak-kanak, penderaan boleh berlaku dalam keluarga, sekolah, komuniti atau institusi. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, Penderaan fizikal merupakan bentuk penderaan yang paling kerap dilaporkan, contohnya memukul, menampar atau menggunakan objek untuk mencederakan. Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2023), kes penderaan kanak-kanak meningkat sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya, dengan banyak kes dilaporkan berlaku di kawasan luar bandar dan bandar kecil seperti Kuala Kangsar. Kajian terhadap isu penderaan kanak-kanak amat penting untuk memahami, mencegah dan menangani masalah ini. Ia juga membantu mengenal pasti faktor risiko seperti kemiskinan, tekanan keluarga, ketagihan, atau kurangnya pengetahuan tentang penjagaan kanak-kanak. Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanda-tanda penderaan serta implikasi jangka panjang terhadap kanak-kanak. Justeru, persoalan kajian ini ialah:

Apakah tahap pengetahuan pelajar mengenai konsep dan jenis penderaan kanak-kanak?

Apakah persepsi pelajar terhadap kepentingan memahami tanda-tanda awal penderaan?

Apakah strategi yang dicadangkan oleh pelajar bagi meningkatkan kesedaran menangani penderaan kanak-kanak?

## **Metodologi Kajian**

Rekabentuk kajian merupakan pelan atau pelaksanaan terperinci bagi melaksanakan kajian supaya objektif kajian dapat dicapai dengan tepat dan sistematik. Dalam kajian ini, rekabentuk kajian yang digunakan adalah rekabentuk kajian kuantitatif bersifat deskriptif. Pendekatan ini sesuai kerana ia membolehkan penyelidik mengumpulkan data secara terperinci mengenai tahap pengetahuan dan persepsi pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah terhadap penderaan kanak-kanak di Kuala Kangsar. Melalui rekabentuk ini, data yang diperolehi dapat dianalisis untuk memberikan gambaran yang menyeluruh dan objektif tentang fenomena yang dikaji tanpa campur tangan subjektif daripada penyelidik (Creswell, 2018). Menurut Yusawinur Barella et al (2024) menyatakan bahawa rekabentuk kajian kuantitatif deskriptif membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran yang tepat tentang isu sosial melalui pengumpulan data secara objektif dan statistik.

Di dalam kajian ini populasi kajian merujuk kepada keseluruhan kumpulan individu yang menjadi sasaran utama dalam kajian ini, iaitu pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Universiti Sultan Azlan Shah yang berada di Kuala Kangsar. pelajar ini juga tergolong daripada pelajar semester pertama sehingga semester akhir. Populasi ini dipilih kerana mereka merupakan golongan yang berperanan penting dalam mendidik dan melindungi kanak-kanak,

sekaligus berpotensi menjadi agen perubahan dalam mengenal pasti dan menangani isu

penderaan kanak-kanak. Penglibatan mereka dalam kajian ini membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang tepat dan relevan mengenai tahap pengetahuan serta persepsi terhadap penderaan kanak-kanak dalam konteks pendidikan awal.

Soal selidik merupakan satu persoalan yang berbentuk dan ditujukan kepada responden untuk mengetahui sama ada responden populasi tersebut mencapai objektif kajian ataupun tidak. Soal selidik terbahagi kepada dua iaitu terbuka dan tertutup. Kelebihan kaedah soal selidik ini adalah untuk mendapat data yang tepat kepada kajian dan soal selidik dapat disebarikan secara meluas. Soal selidik mempunyai beberapa item yang penting iaitu item demografi, item skala likert, item pangkatan item dikotomus, item perbandingan dan item soalan terbuka. Di dalam kajian ini pengkaji telah membahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A ialah demografi dan Kedua-dua bahagian B dan C ialah mengikut kepada kedua-dua objektif di dalam kajian ini.

### Deskriptif

SKALA	INTERPRETASI
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Sederhana Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menentukan kekerapan dan peratusan serta statistik inferensi dalam bentuk pekali kolerasi spearman yang digunakan bagi menguji hipotesis kajian pada arah signifikan iaitu pada .05. dalam pada itu, analisis deskriptif ini juga menggunakan ciri-ciri pembolehubah.

Di dalam bahagian C iaitu persepsi pelajar pendidikan awal kanak-kanak terhadap kepentingan mengenal pasti tanda-tanda awal penderaan kanak-kanak. Seterusnya dalam bahagian ini menerangkan penggunaan borang soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji dan dibimbing oleh pensyarah. Dalam kajian ini juga, instrument dibina sendiri oleh pengkaji. Terdapat beberapa kriteria yang perlu dipertimbangkan oleh pengkaji iaitu berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian tersebut. Dalam hal ini borang soal selidik yang dibuat oleh pengkaji mengandungi 7 item yang berbentuk tertutup. Selain itu bahagian ini menggunakan skala likert lima mata yang digunakan sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengkaji pembolehubah yang ditetapkan.

### Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengedar link google form set soal selidik kepada responden yang dipilih. Responden yang dipilih bagi kajian rintis ini adalah terdiri daripada pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Sultan Azlan Shah. Dimana set soal selidik ini mengandungi 7 soalan setiap bahagian dan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu demografi responden, tahap pengetahuan pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah. Semasa responden menjawab soal selidik, pengkaji akan bersama responden bagi memantau dan memberi penerangan dan pencerahan kepada responden sekiranya terdapat kesukaran dalam menjawab soalan tersebut. Pengkaji akan mengumpul semula kesemua soalan tersebut dan menilai sejauhmana kesahan dan kebolehpercayaan kajian melalui skor yang telah dijawab oleh responden.

### Analisis Data

Dalam kaedah menganalisis data, pada awalnya pengkaji membuka IBM SPSS statistic edisi ke 27 dalam platform yang terdapat dalam komputer. pengkaji memasukkan data melalui lembaran kerja dengan menekan *tab view* yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Data *view* adalah tampilan lembaran kerja SPSS untuk menampilkan isi dari input data dan kesemua data perlu dimasukkan secara menegak. Seterusnya pengkaji akan mengedit *variable view*. Yang mana *variable* ini bertujuan untuk mengubah nama *variable*, maklumat data dan panjang maklumat data. Seterusnya, pengkaji memilih direktori penyimpanan dan menyimpan fail data dengan nama dan mengklik *save as* bagi membuka untuk menyimpan file data yang telah diinput dan seterusnya memilih rekod penyimpanan dan menyimpan *file*. Seterusnya pengkaji mendapatkan nilai cronbach's alpha. hasil ini dihasilkan dan nilai cronbach's alpha mesti melebihi 0.6%

### Hasil Dapatan

Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang berpandukan kepada objektif kajian:

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis nilai min keseluruhan mengenal pasti persepsi pelajar dengan menggunakan kaedah deskriptif. Menurut Nueman (2012), min skor antara 1.00-2.39 adalah rendah seterusnya untuk 2.40-3.70 adalah berada ditahap sederhana. Manakala 3.71-5.00 pula berada pada tahap yang tertinggi dalam skor min. Keputusan bagi tahap pengetahuan pelajar adalah seperti jadual berikut:

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Mean Strategi	4.56	0.48	Tinggi

Jadual 1: Keseluruhan Skor Min

Berdasarkan dapatan analisis min skor di atas, min skor bagi Mengenal Pasti Strategi Untuk Meningkatkan Kesedaran Pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah Tentang Cara Menangani Penderaan Kanak-Kanak adalah sebanyak 4.5604. Hal ini menunjukkan bahawa tahap bagi tahap pengetahuan pelajar berada di tahap yang tinggi.

### Analisis Inferensi

Pada bahagian ini analisis kolerasi antara persepsi dan strategi untuk meningkatkan kesedaran pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah tentang cara menangani penderaan kanak-kanak. Analisis kolerasi Spearman digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh data serta membuat rumusan berdasarkan nilai kolerasi dan nilai signifikan. Seterusnya bahagian ini juga menyatakan kolerasi antara pembolehubah persepsi pelajar dan strategi untuk meningkatkan kesedaran pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Sultan Azlan Shah tentang cara menangani penderaan kanak-kanak.

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kepentingan mengenal pasti tanda-tanda penderaan dengan strategi yang mereka cadangkan untuk meningkatkan kesedaran dalam menangani penderaan kanak-kanak.

---

Pembolehubah	N	Signifikan	Nilai Kolerasi
Mean Kepentingan	65	0.01	0.719
Mean Strategi	65	0.01	0.719

---

Jadual 2: Kolerasi Spearman

Jadual diatas menunjukkan keputusan Kolerasi Spearman bagi tahap pengetahuan pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Sultan Azlan Shah tentang Persepsi penderaan kanak-kanak di kuala kangsar.

Berdasarkan jadual di atas, nilai kolerasi antara kepentingan dan strategi dalam mengetahui isu Penderaan Kanak-kanak di Kuala Kangsar adalah =0.719 manakala nilai signifikan bagi kedua-dua hubungan adalah pembolehubah 0.01 menurut skala Hair (2010), nilai kolerasi =0.719 menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara tahap kefahaman dan kesediaan masyarakat dalam melibatkan diri.

Manakala bagi nilai signifikan menunjukkan pembolehubah 0.01 adalah lebih rendah daripada 0.05. oleh itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan tetapi berada di tahap sederhana antara kepentingan dan strategi dalam mengetahui isu penderaan kanak-kanak ini. Hal ini juga menunjukkan bahawa hipotesis Ho1: Tidak Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kepentingan mengenal pasti tanda-tanda penderaan dengan strategi yang mereka cadangkan untuk meningkatkan kesedaran dalam menangani penderaan

kanak-kanak.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak di USAS memiliki tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap isu penderaan kanak-kanak. Ini menunjukkan kesediaan mereka sebagai bakal pendidik dalam memainkan peranan yang lebih proaktif dalam pengesanan awal Hasil dapatan kajian yang diperoleh adalah terdapat hubungan diantara kepentingan dan strategi dalam mengetahui isu penderaan kanak-kanak di kuala kangsar.

## Rujukan

- Abdullah, N., & Rahman, F. (2019). Pendidikan dan latihan dalam pengesanan penderaan kanak-kanak: Kajian dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak Kanak Malaysia*, 9(1), 45–62.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Laporan statistik penderaan kanak-kanak Malaysia. Retrieved from <https://www.jkm.gov.my>
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Sage Publications.
- Neuman, W. L. (2012). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (7th ed.). Pearson Education.
- Malaysia. (2001). *Akta Kanak-Kanak 2001 (Act 611)*. Law of Malaysia.
- Saturia Amiruddin, Norsyahida Mat Nazir, Nur Fathihah Mahadzir & Nurfatim Najeeha Hanim Mohamed. (2025). Faktor dan kesan penderaan terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak di selangor. *Selangor Humaniora Review*. 9 (1), 87 – 96.
- Yusawinur Barella, Ana Fergina, Muhammad Khalifa Mustami, Ulfiani Rahman & Hetman M Alaitori Alajaili. (2024). Quantitative methods in scientific research. *Jurnal Pendidikan Sosiologi dan Humaniora*, 15 (1), 281-287.